



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
Bil. 28 / 2021**

**KEPUTUSAN PENUH PENGUNDIAN
PILIHAN RAYA UMUM DEWAN UNDANGAN NEGERI
MELAKA KE-15**

1. Keputusan penuh Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri (PRU DUN) Melaka Ke-15 adalah seperti berikut:

Bil.	Parti/Calon Bebas	Jumlah Kerusi Diperoleh
1.	Barisan Nasional (BN)	21
2.	Perikatan Nasional (PN)	2
3.	Pakatan Harapan (PH)	5
4.	Parti Bumiputra Perkasa Malaysia (PUTRA)	0

Bil.	Parti/Calon Bebas	Jumlah Kerusi Diperoleh
5.	Parti Perikatan India Muslim Nasional (IMAN)	0
6.	Bebas	0
	JUMLAH	28

2. Pada PRU DUN Melaka Ke-15 kali ini, seramai **326,068** orang atau **65.85 peratus** telah keluar mengundi. Jumlah tersebut adalah meliputi jumlah **pengundi biasa, pengundi awal** dan **pengundi pos** yang telah mengundi.

3. Secara keseluruhannya, SPR berpuas hati dengan proses pengundian pada 20 November 2021 dan pengundi-pengundi berdaftar telah dapat menunaikan hak dan tanggungjawab mereka. Selain itu, urusan penjalanan pilihan raya PRU DUN Melaka Ke-15 telah dilaksanakan dengan baik mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

4. SPR juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pegawai-Pegawai Daerah, guru-guru dan sekolah-sekolah, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pihak media serta semua pihak yang telah terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang PRU DUN Melaka Ke-15 kali ini.

Sekian, terima kasih.

DATUK ABDUL GHANI SALLEH
Pengerusi
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
20 November 2021 / 15 Rabiulakhir 1443H